



بِجَابَةِ سِتِيَاوَسَهَا كَرَايَانِ تَرَنْغَانُو

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN TERENGGANU  
(PENGURUSAN SUMBER MANUSIA)  
TINGKAT 8, WISMA DARUL IMAN,  
20503 KUALA TERENGGANU.

Telefon : 09-6231957  
Faks : 09-6267484  
Emel : hr@terengganu.gov.my

السَّلَامَةُ عَلَيْكُمْ

Surat Kita : SUK.TR.1120/2/5/BHG.2(5)  
Bertarikh : 23 J'Awal 1435  
Bersamaan : 25 Mac 2014

Semua Ketua Jabatan Negeri Terengganu

Tuan,

**PEKELILING PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN TERENGGANU BIL. 1 TAHUN 2014  
KEMUDAHAN BAYARAN ELAUN TELEFON**

**TUJUAN**

1. Pekeliling Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan kerajaan mengenai kemudahan bayaran elaun telefon kepada Penolong Pegawai Tadbir yang berjawatan tetap.

**LATAR BELAKANG**

2. Sebelum ini melalui Pekeliling Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu Bil. 14 Tahun 2013 telah menetapkan bayaran elaun telefon kepada Penolong Pegawai Tadbir Gred N32 dan Penolong Pegawai Tadbir Gred N36 sahaja.

**KADAR**

3. Dengan berkuat kuasanya keputusan baru ini kadar elaun telefon kepada Penolong Pegawai Tadbir ditetapkan sebagaimana berikut:-

Jawatan & Gred	Amaun
Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 dan N32	RM50.00 sebulan
Penolong Pegawai Tadbir Gred N36	RM75.00 sebulan

“Kesempurnaan Kerja Tanggungjawab Kami”



## PELAKSANAAN

4. Syarat bagi bayaran elaun di atas adalah sebagaimana berikut:-
  - 4.1 jawatan tetap sahaja
  - 4.2 telah disahkan dalam jawatan dan telah berkhidmat tidak kurang daripada 3 tahun atau
  - 4.3 Penolong Pegawai Tadbir yang dilantik melalui peningkatan secara lantikan (PSL) dan tidak mencukupi tempoh perkhidmatan tiga (3) tahun juga layak dibayar elaun berkenaan dengan syarat telah berkhidmat sepuluh (10) tahun dalam perkhidmatan awam.
5. Bagi Penolong Pegawai Tadbir yang layak tetapi tidak cukup tempoh sebulan perkhidmatan pengiraan hendaklah dibuat secara *propotionate*. Semua bayaran dibuat melalui bayaran gaji bulanan.

## TARIKH KUAT KUASA

6. Tarikh kuat kuasa Pekeliling ini adalah mulai **1 Mac 2014**

## PEMBATALAN

7. Dengan kuat kuasa Pekeliling ini, Pekeliling Pejabat Setiausaha Kerajaan Bil. 14 Tahun 2013 adalah **dibatalkan**.

Sekian, terima kasih.

**'MERAKYATKAN PENTADBIRAN DAN PEMBANGUNAN'**

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menurut perintah,



**(MOHD ZAHARI AZAHAR)**

Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan  
(Pengurusan Sumber Manusia)  
b.p. Setiausaha Kerajaan  
Terengganu

Edaran Dalaman:

Semua Penolong Kanan Setiausaha Kerajaan  
(Pengurusan Sumber Manusia)  
Pejabat Setiausaha Kerajaan  
**Terengganu**

Semua Penolong Pegawai Tadbir  
(Pengurusan Sumber Manusia)  
Pejabat Setiausaha Kerajaan  
**Terengganu**

Ketua Pembantu Tadbir (Rekod)  
(Pengurusan Sumber Manusia)  
Pejabat Setiausaha Kerajaan  
**Terengganu**

Bahagian Perpustakaan  
Pejabat Setiausaha Kerajaan  
**Terengganu**

Fail Pekeliling

Fail Timbul.